

26/06/2002

Pemimpin negeri akur keputusan Dr M

KUALA LUMPUR, Selasa - Pemimpin di seluruh negara akur dengan keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melepaskan semua jawatan dalam parti dan kerajaan tahun depan, tetapi berharap Perdana Menteri akan terus memberi sumbangan selepas bersara.

Mereka berikrar memberi sokongan padu kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang dinamakan sebagai pengganti Dr Mahathir kelak.

Di KOTA KINABALU, Setiausaha Barisan Nasional (BN) Sabah, Datuk Karim Bujang, berkata BN Sabah komited memberi kerjasama kepada Abdullah seperti yang diberikan kepada Dr Mahathir selama ini.

Karim juga menghargai keputusan Dr Mahathir melanjutkan perkhidmatan sehingga 2003 kerana ia dapat memastikan rakyat tidak berasa kehilangan Perdana Menteri secara mengejut.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Parti Bersatu Sabah (PBS) Kiulu, Datuk Louis Rampas, juga menghormati keputusan Dr Mahathir meletak jawatan dan menyerahkan kepada timbalannya.

"Masa peralihan selama setahun sebelum Dr Mahathir meletak jawatan secara sah penting untuk membolehkan peralihan kuasa dilakukan secara tertib tanpa menjejaskan proses pembangunan dan kestabilan politik serta ekonomi negara," katanya.

Ketua Pemuda Umno Sabah, Mohd Nazri Abdullah, berkata Pemuda Umno Sabah akur dengan keputusan Dr Mahathir meletakkan semua jawatan mulai tahun depan dan menyokong penuh kepemimpinan Abdullah.

Di IPOH, Ketua Penerangan Umno Perak, Datuk Jamal Nasir Rasdi, berkata Umno negeri akan memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada Abdullah dan Majlis Tertinggi (MT) menerajui negara selepas Dr Mahathir.

"Kita yakin keputusan MT yang membuktikan kematangan serta kesediaan untuk mengambil alih pimpinan negara dengan cara terancang," katanya.

Ketua Pemuda Umno negeri, Nasir Ismail, berkata pergerakan itu menghormati keputusan Dr Mahathir dan bersyukur beliau masih sihat serta mampu membantu pimpinan negara pada masa depan.

Ketua Pemuda MCA negeri, Datuk Ho Cheng Wang pula berkata, keputusan Dr Mahathir adalah kehilangan besar kepada negara berdasarkan ketokohan dan kepemimpinannya.

DI KUALA TERENGGANU, Ketua Pemuda Pemuda Umno negeri, Din Adam, berkata peralihan kuasa daripada Dr Mahathir kepada Abdullah dapat mengukuhkan kekuatan parti.

Katanya, langkah itu dapat memberi suntikan berganda keyakinan rakyat terhadap Umno.

Di KUCHING, Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Datuk Seri Abang Johari Tun Openg, berkata tindakan Dr Mahathir dapat memberi peluang kepada timbalannya menyesuaikan diri dengan tanggungjawab yang akan dipikulnya kelak.

"Dalam tempoh peralihan itu, Abdullah dapat mempersiapkan diri bagi membawa negara mengikut landasan yang ditetapkan sebelum ini untuk mencapai Wawasan 2020," katanya.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata walaupun berharap Dr Mahathir terus memimpin negara selama-lamanya, beliau akur dengan hasrat Perdana Menteri untuk bersara.

Sehubungan itu, katanya, BN negeri menerima dan menyokong pelan peralihan yang disaran Dr Mahathir dengan harapan beliau terus memberi bantuan dan sokongan kepada rakyat supaya bersatu padu serta bekerjasama

bagi membangunkan negara.

(END)